

Timbalan Pengarah DBKL antara empat kena reman

Dipercayai terima suapan secara bulanan lindungi rumah urut, pusat hiburan

Oleh Safeek Affendy Razali
safeek@bh.com.my

Kuala Lumpur: Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menahan reman tiga penjawat awam dan seorang bekas penjawat awam kerana dipercayai menerima rasuah secara bulanan daripada aktiviti premis perniagaan haram di sekitar ibu negara.

Timbalan Pengarah di Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) berusia pertengahan 40-an dipercayai adalah suspek utama disyaki menerima antara RM100,000 hingga RM500,000 secara bulanan daripada sindiket rumah urut, pusat hiburan serta premis yang tidak berlesen.

Sumber berkata, selain timbalan pengarah terbabit dua lagi penjawat awam yang ditahan adalah anggotanya serta seorang anggota agensi penguat kuasa.

“Ketiga-tiga yang ditahan se-



Tiga daripada empat suspek yang direman kerana dipercayai menerima rasuah secara bulanan. (Foto ihsan SPRM)

malam, direman tujuh hari hingga 14 Jun ini, manakala seorang suspek yang juga bekas anggota agensi penguat kuasa ditahan reman selama lima hari hingga 12 Jun.

“Perintah reman terhadap semua suspek lelaki berusia antara 30 hingga 40-an dikeluarkan Majistret Shairil Farhana Ruslan selepas menerima permohonan dibuat SPRM di Ibu Pejabat Daerah (IPD) Dang Wangi,” katanya.

Lindungi premis haram

Sumber berkata, timbalan pengarah terbabit dipercayai mene-

rima wang rasuah itu sejak beberapa bulan lalu.

“Wang rasuah itu bagi membolehkan premis perniagaan haram itu beroperasi tanpa dikenakan tindakan penguatkuasaan.

“Susulan tangkapan ke atas suspek utama, SPRM kemudian menahan tiga individu lain kerana dipercayai turut menerima suapan dan berperanan sebagai orang tengah bagi mengagihkannya kepada beberapa anggota penguat kuasa PBT,” katanya.

Menurut sumber itu lagi, menerusi tangkapan ini, SPRM tu-

rut menyita wang tunai lebih RM200,000, selain barang kemas dan 28 keping wafer emas yang belum dikenal pasti anggaran nilai dan berat.

Semua suspek ditahan di beberapa lokasi sekitar Kuala Lumpur dalam operasi kelmarin.

Sementara itu, Pengarah SPRM Kuala Lumpur, Datuk Mohamad Fauzi Husin ketika dihubungi mengesahkan tangkapan terhadap semua suspek berkenaan.

Kes disiasat di bawah Seksyen 17(a) dan Seksyen 16(a)(A) Akta SPRM 2009.